

NKF akan membuka pusat hemodialisis di Sarikei

KUCHING: Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan(NKF) akan membuka sebuah pusat hemodialisis di Sarikei bagi menampung keperluan pesakit buah pinggang yang semakin meningkat di bahagian itu.

Ketua Pegawai Eksekutif NKF Chua Hong Wee berkata, ketika ini kerja-kerja pengubahsuaian bangunan bagi menempatkan pusat berkenaan giat dilakukan.

“Kita akan membuka satu lagi pusat dialisis di Sarikei. Bangunan untuk menempatkan pusat tersebut masih dalam proses ubah suai dan kita percaya ia akan mula beroperasi dalam tempoh dua atau tiga bulan dari sekarang.

“Kita masih menunggu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan beberapa agensi termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan pemeriksaan bagi membolehkan lesen beroperasi sah dikeluarkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan aluan sempena lawatan kerja Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pem-

bangunan Kanak-Kanak Dato Sri Fatimah Abdullah ke ke Pusat Dialisis NKF - Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS)/Rotary di sini, semalam.

Chua berkata NKF memilih membuka pusat dialisis di Sarikei kerana ketika ini tidak terdapat pusat berkenaan melainkan di Hospital Sarikei.

Selain itu katanya, NKF juga membuka pusat dialisis di Kota Samarahan dan ia dijangka mula beroperasi dalam tempoh terdekat ini.

“NKF dengan kerjasama dan sokongan pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan membuka pusat dialisis di semua negeri kecuali Negeri Sembilan dan Melaka.

Fokus utama NKF ialah negeri atau kawasan yang tidak mempunyai banyak pusat dialisis komersial atau mencari keuntungan.

“Sekarang ini kita memberi rawatan hemodialisis kepada 1,700 pesakit di seluruh negara,” katanya.

Sementara itu Chua berkata Pusat Dialisis NKF-Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS)/Rotary mula beroperasi pada 2000 dan kini

dilengkapi 18 mesin hemodialis dengan 102 pesakit.

Pusat dialisis itu katanya, di bawah tanggungjawab Pakar Nefrologi Dr Clare Tan dan dikendalikan 15 staf diketuai Reylene Ursula Dietar selaku pengurus, sembilan jururawat, empat pembantu dialisis dan seorang pembantu tadbir.

“Kebanyakan pesakit kita di bawah penajaan iaitu empat ditaja oleh kerajaan persekutuan dan negeri, 29 mendapat subsidi daripada KKM, 59 lagi mendapat pembiayaan PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial) baki 10 lagi pesakit membayar sendiri kos rawatan bagi setiap sesi.

“Seorang pesakit perlu mendapat rawatan hemodialisis tiga minggu sekali,” jelasnya.

Hadir sama, Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti Datuk Francis Harden Hollis, Presiden KAS/Rotary Dato Sri JC Fong, Timbalan Presiden KAS/Rotary Dr Simon Wong, Ketua Jabatan Nefrologi Hospital Umum Sarawak (HUS) Dr Clare Tan dan Pengurus Pusat Dialisis NKF KAS/Rotary Reylene Ursula Dietar.